

## **SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (29)  
Tarikh : 19 Mei 2014

**Ketua Pengarang  
Nam Naadu**

Tuan,

### **MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR NAM NAADU BERTAJUK "MENGAPA TIDAK DAPAT TARAF WARGANEGARA WALAUPUN TELAH MEMILIKI SEMUA DOKUMEN" BERTARIKH 16 MEI 2014, JUMAAT – M.S: 10**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Encik Rajagobal A/L Vadivellu berkenaan kegagalan dalam permohonan kewarganegaraan Malaysia.
3. Untuk makluman, bahawa permohonan kewarganegaraan Encik Rajagobal A/L Vadivellu tersebut tidak semestinya diluluskan kerana penganugerahan status kewarganegaraan adalah merupakan hak mutlak kerajaan untuk dianugerahkan kepada mereka yang benar-benar layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu, berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi dan melanggar undang-undang.
4. Ingin dinyatakan juga bahawa status kewarganegaraan bukanlah hak mutlak untuk dituntut oleh mereka yang memohonnya. Oleh itu sebarang keputusan penolakan tersebut juga, kerajaan tidak perlu untuk menyatakan sebab-sebab penolakan.

5. Walaubagaimanapun sekiranya Encik Rajagobal A/L Vadivellu masih berminat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia, bolehlah berbuat demikian dengan mengemukakan semula permohonan di mana-mana pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal beliau.

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

**Pejabat Perhubungan Awam,**  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)